



04 AUG, 2024

FAMA peruntuk RM10 juta naik taraf 41 Pasar Tamu di Sabah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



TINJAU: Arthur (dua kiri) mengadakan lawatan ke tapak program FAMA FEST 2024 @ Sabah yang akan diadakan bermula 29 Ogos sehingga 1 September ini.

FAMA peruntuk RM10 juta naik taraf 41 Pasar Tamu di Sabah

Oleh Kennedy Corleus

KENINGAU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi menaik taraf 41 Pasar Tamu di Sabah, tahun ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, ia bagi memperkuatkan kerjasama diantara FAMA dengan Kerajaan Wilayah Sabah khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha mentransformasikan operasi Pasar Tamu.

"Pasar Tamu memainkan peranan yang penting sebagai medan pemasaran hasil pengeluaran produk pertanian dan agromakanan yang diadakan secara mingguan di Wilayah Sabah.

"Bagi tahun ini, FAMA giat melaksanakan projek naik taraf sebanyak 41 buah Pasar Tamu di Wilayah Sabah dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

"Sejumlah 38 buah Pasar Tamu sedang dalam proses menaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM7.6 juta dan dijangka siap pada tahun ini.

"Manakala, sebanyak tiga buah Pasar Tamu iaitu Pasar Tamu Kinabatangan, Pasar Tamu Menggerimot dan Pasar Tamu Rancangan Belia Tiulon dalam proses dokumentasi dan pelaksanaan bagi tujuan naik taraf," katanya.

Arthur berkata, projek naik taraf itu berupaya

memberikan peluang dan manfaat sehingga 150 orang usahawan di sesebuah Pasar Tamu dalam menjalankan aktiviti pemasaran agromakanan.

"Usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kemudahan fasiliti dan keselesaan pengunjung di Pasar Tamu dalam masa yang sama turut mengekalkan elemen budaya setempat yang merupakan keunikan identiti masyarakat di Sabah," katanya.

Sebagai rekod, sehingga tahun 2023, FAMA telah membelanjakan sebanyak RM5.36 juta bagi menaiktaraf enam buah Pasar Tamu sedia ada iaitu Pasar Tamu Sook Keningau, Pasar Tamu Dataran Tomborungus Kudat, Pasar Tamu Kunak, Pasar Tamu Beluran, Pasar Tamu Tuuran dan di Pasar Tamu Telupid.

Terdahulu, Arthur mengadakan lawatan ke tapak program FAMA FEST 2024 @ Sabah yang akan diadakan pada 29 Ogos sehingga 1 September ini, yang turut disertai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Faisal Iswardi dan Pengarah FAMA Negeri Sabah, Sarman Sidno.

Katanya, seramai 442 usahawan akan terlibat dalam program itu dengan dengan anggaran jualan sebanyak RM250,000 dan dijangka mencatatkan seramai 20,000 pengunjung sepanjang program yang berlangsung selama empat hari.



04 AUG, 2024

FAMA peruntuk RM10 juta naik taraf 41 Pasar Tamu di Sabah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

TINJAU: Arthur (dua kiri) mengadakan lawatan ketapak program FAMA FEST 2024 @> Sabah yang akan diadakan bermula 29 Ogos sehingga 1 September ini.